



Haunted Highlands: Timur Bertemu Barat, Alam Roh Menanti!

Genting Highlands, 6 Oktober 2025 – Bulan Oktober ini, kabus pergunungan mistik menyelubungi Resorts World Genting sempena sambutan Halloween paling menggerunkan. Bermula dari 10 Oktober hingga 9 November 2025, pengunjung bakal menikmati pelbagai tarikan seram, pengalaman mistik serta persembahan meremangkan yang menjanjikan debaran dan keseronokan.

Tatkala senja menjelma, Gohtong Way bertukar suasana dengan penuh magis. Labu berwajah seram, jaring labah-labah dan figura hantu dihiasi bersama tanglung merah yang berkelipan, mewujudkan gabungan budaya Timur dan Barat dalam suasana menyeramkan. Pengunjung kemudian akan menyeberangi Jambatan Jiwa Sesat menuju ke alam sumpahan Meng Po, penjaga dunia bawah tanah. Di sini, Elikzir Pelupa akan menentukan perjalanan mereka untuk melalui Gerbang Alam Baqa, sempadan yang memisahkan dunia manusia dan alam ghaib.

Di sebalik laluan Gohtong Way yang menyeramkan, tersimpan satu ujian keberanian menanti mereka yang berani mencabar diri. Rumah Hantu kali ini menjanjikan pengalaman mendebarkan apabila Crazy 88s Cocktail Den bertukar menjadi lorong seram penuh misteri. Kisah pengantin hilang dan cinta yang tidak kesampaian menanti untuk dibongkar. Dengan sekeping kad jemputan, pengunjung perlu mencari petunjuk tersembunyi untuk menyatukan pasangan itu, atau berisiko dianggap sebagai waris dan dihukum merayau dalam kegelapan selama-lamanya.

Rumah Hantu ini dibuka dari jam 5 petang hingga 11 malam, dengan kemasukan terakhir pada jam 10 malam. Tiket masuk berharga RM28 seorang dan boleh dibeli di kiosk tiket yang terletak di Pintu Utama, Taman Tema Tertutup Skytropolis, Lakeside Market, troli jualan berhadapan Trattoria Il Lago serta pusat jualan SkyHanger & Galaxy.

Di sepanjang lorong, Bonediddy, si pengusik maut dengan senyum serong dan tawa menyeramkan, berkeliaran mencari mangsa. Setiap helahnya menyembunyikan ketakutan, manakala setiap bayang menanti dengan kejutan. Antara menyeramkan dan menghiburkan, beliau menjadikan setiap sudut sebagai pentas penuh kejutan sambil mengejutkan pengunjung serta bergambar bersama mereka yang berani menentang pandangannya.

Sementara itu, kawasan festival bertukar menjadi karnival penuh misteri yang meraikan sambutan Halloween hingga malam. Dari jam 5 petang hingga 11 malam setiap hari, pengunjung boleh menikmati pelbagai hiburan dan sajian menarik. Rasai kelazatan *Haunted Vampire Beef Burger* berharga RM20 daripada *Classic Burgers* atau nikmati kehangatan semangkuk sup *Spider*

Web Pumpkin (RM11) dipadankan dengan Ayam *Mini Bloody Hell Spices* (3 cucuk, RM17) di Trattoria Il Lago. Untuk pilihan hidangan lebih menyelerakan, nikmati *Sosej Golden Gate Garage's Graveyard* pada harga RM17 sebelum menikmati minuman eksklusif berkonsep unik dan misteri. Rasai keunikan pilihan minuman istimewa seperti koktel *Zombie Bite* (RM38) dan koktel *Haunted Night* (RM38), diikuti moktel *Halloween Lantern* (RM19) serta Meng Po Tang yang penuh misteri (RM19). Dapatkan pilihan minuman bertema ini di RedTail by Zouk, Empire, Cloud 9, Park Avenue Lounge dan Trattoria Il Lago. Bagi yang gemar manisan, lengkapi malam anda di The Bakery dengan kek cawan Red Velvet *Halloween* (RM17) serta kek cawan coklat *Halloween* (RM12) sebagai pelengkap untuk sambutan malam Halloween.

Perarakan Mayat Hidup (Dead Man March-ing) menggegarkan suasana dengan alunan muzik dan persembahan penuh seram, manakala pertunjukan khas Halloween menjadikan jalanan sebagai pentas bayangan yang mendebarakan. Pengunjung boleh menikmati persembahan ini setiap Khamis hingga Sabtu, dengan setiap malam menampilkan kejutan seram dan gaya persembahan yang berbeza. Kehadiran watak-watak berkeliaran menambah keterujaan, menjadikan setiap langkah pengalaman yang berbeza.

Pengunjung juga boleh menghias wajah mereka dengan tema Halloween, merakam kenangan menyeramkan di ruang foto bertema, serta membeli barangan edisi terhad bertemakan seram di gerai dan kios jalanan. Bagi mereka yang mencari keseronokan, tarikan seperti Planet of the Apes, Independence Day: Defiance dan ESD Global Defender menawarkan pengalaman mendebarakan dalam kemeriahan festival Halloween. Tarikan dengan bayaran setiap permainan dibuka dari jam 6 petang hingga 9 malam setiap Khamis hingga Sabtu.

Sambutan ini boleh dikunjungi secara percuma, dengan akses masuk melalui SkyAvenue Gateway, Zouk Atrium, Park Avenue Lounge, dan Arena of Stars.

Beranian diri menjejakkan kaki ke Haunted Highlands, di mana legenda, cerita rakyat dan suasana seram hidup di bawah langit pergunungan, meninggalkan kenangan yang kekal biarpun kabus perlahan-lahan menghilang.

Untuk maklumat terkini dan perkembangan di Resorts World Genting, layari rwgenting.com serta platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Mei Yeap Lee Mui
Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Ms Nur Fatin Shazreen Ismail
Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9411
Email: fatin.shazreen@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di

United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.